

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

AOP300 - PENGURUSAN PERSONEL

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan Satu adalah WAJIB.

**Soalan 1 (WAJIB)**

Analisis keperluan latihan boleh membantu pengurus sumber manusia merangka program latihan yang berkesan. Bagaimanakah pengurus sumber manusia melakukan analisis keperluan latihan tersebut?

[20 markah]

**Soalan 2**

Mengapakah pengurus sumber manusia perlu memahami teori pembelajaran? Terangkan kaitan teori pembelajaran dengan program latihan dan pembangunan sumber manusia.

[20 markah]

**Soalan 3**

Bagaimanakah aspek pengurusan sumber manusia boleh membantu pihak pengurusan meningkatkan produktiviti dan kualiti di dalam organisasi?

[20 markah]

...2/-

Soalan 4

Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan amalan penilaian prestasi kakitangan gagal mencapai matlamatnya.

[20 markah]

Soalan 5

Apakah penilaian kerja? Bagaimanakah penilaian kerja boleh dijadikan asas pelaksanaan sistem bayaran yang adil?

[20 markah]

Soalan 6

Bagaimanakah bayaran mengikut prestasi boleh menjimatkan kos pengurusan dan meningkatkan prestasi kerja?

[20 markah]

Soalan 7

Pertikaian boleh berlaku di antara golongan pekerja dan majikan. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Terangkan prosedur-prosedur pertikaian yang boleh diambil.

[20 markah]

---ooo000ooo---